

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]
TARIKH : 22 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah kajian yang telah dijalankan Kementerian bagi menggantikan kanvas belia Transformasi Nasional 2050 (TN50) dan adakah kanvas belia yang baru ini mampu menjamin masa depan pertubuhan belia dan golongan belia di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada kajian baharu yang dilaksanakan bagi menggantikan Kanvas Belia Transformasi Nasional 2050 atau TN50. Ini kerana, aspirasi-aspirasi yang telah dikumpulkan dalam kanvas TN50 ini masih lagi relevan untuk terus diguna pakai.
2. Kementerian Belia dan Sukan akan menggarap aspirasi-aspirasi yang telah dikumpulkan sebagai asas bagi merangka pelan pembangunan, pembentukan polisi dan pelaksanaan program/aktiviti khususnya pembangunan belia dan sukan. Dalam masa yang sama, Dasar Belia Malaysia (DBM) yang telah dilancarkan pada 2015 masih lagi merupakan rujukan utama agenda pembangunan belia negara dan relevan sehingga 2035.

Sekian terima kasih.